

08/08/2004

## Nostalgia Rumah Merdeka

By Rahmat Othman

KERAJAAN Kedah menggunakan pelbagai strategi untuk menarik minat pengunjung ke Alor Star. Terbaru menjadikan Rumah Merdeka milik Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj di tepi Sungai Kedah di Jalan Putra sebagai tarikan terbaru.

Sebelum ini, rumah kelahiran Perdana Menteri Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad di Jalan Kilang Ais menjadi tumpuan pengunjung.

Rumah Merdeka pula diharap menambah tarikan orang ramai. Ia bakal menjadi tempat pameran pelbagai barangan milik Baba Kemerdekaan itu. Ketika ini, kerja mengindahkan semula Rumah Merdeka dan kawasan sekitarnya giat dijalankan sejak tiga bulan lalu.

Difahamkan ketika menjadi Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman sering tinggal di situ apabila menjalankan tugas di Alor Star kerana tidak gemar tinggal di hotel. Malah tidak keterlaluan jika dikatakan rumah itu pejabatnya apabila berkunjung ke Alor Star.

Ketika musim pilihan raya pula, rumah itu akan digunakan Almarhum Tunku sebagai bilik gerakan dan tidak hairanlah jika rumah itu sentiasa sibuk dengan pekerja dan penyokong Parti Perikatan ketika itu.

Rumah Merdeka ini pernah dijadikan tempat rundingan damai pegawai kanan awam dan tentera Indonesia termasuk beberapa orang yang berpangkat Jeneral bersama Tunku yang berbincang bagaimana untuk menamatkan konfrantasi antara kedua-dua negara pada tahun 1963 hingga 1966.

Beberapa siri perbincangan diadakan di rumah bersejarah itu antara perwakilan kedua-dua sehingga berjaya menamatkan permusuhan yang mengorbankan banyak nyawa.

Rundingan dari hati ke hati dalam suasana muhibah itu turut direstui oleh Presiden Soekarno yang kemudiannya mengadakan rundingan akhir di sebuah negara lain.

Seorang bekas pekerja di situ Harun Jusoh, 69, berkata rumah yang asalnya berwarna merah putih iaitu mengikut warna Umno, sering disinggahi Tunku yang boleh dikatakan pulang ke Alor Star dari Kuala Lumpur, tidak kurang tiga atau empat kali sebulan.

"Kalau Tunku tidak ada, saya akan menjaga rumah ini termasuk membersihkan kawasan dalaman dan persekitaran," katanya mengenai rumah yang kini berwarna kuning air.

Selain beliau, isterinya Sharifah Aminah Syed Salim turut diambil oleh Tunku untuk bekerja sebagai tukang masak di rumah itu.

Katanya, ada beberapa bahagian dalam rumah itu termasuk dinding, lantai, tab di bilik mandi yang masih dalam bentuk asal. "Saya percaya rumah ini dibina daripada kayu cengal kerana dindingnya cukup kuat dan sukar dipaku," katanya.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Rahani Jamil, berkata Rumah Merdeka di Lot 54 dan 55 di Jalan Putra, Alor Star mempunyai keluasan tanah seluas 4,163.26 meter persegi.

"Kedudukannya yang begitu hampir dengan Sungai Kedah dijangka memberi kelebihan kepada rumah bersejarah itu untuk dikunjungi," katanya.

Arkib Negara sedang berusaha mengumpulkan apa saja barang milik bekas Perdana Menteri pertama itu untuk dipamerkan di situ.

Katanya, sejarah rumah itu memang besar kepada negara apa lagi bukan mudah untuk mengadakan rundingan yang bersifat muhibah antara dua negara yang bermusuhan ketika itu.

(END)

